

TERMA RUJUKAN

PASUKAN BERTINDAK KECEMASAN Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

Kandungan

1.0	TUJUAN.....	1
2.0	PUNCA KUASA.....	1
3.0	FUNGSI UTAMA.....	1
4.0	KEAHLIAN	1
5.0	PERANAN/TUGAS.....	3

1.0 TUJUAN

Terma rujukan ini ditulis bagi memberi panduan kepada staf Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) untuk menubuhkan Pasukan Bertindak Kecemasan bagi menghadapi sebarang insiden kecemasan.

2.0 PUNCA KUASA

- 2.1 Seksyen 15, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
- 2.2 Perkara 1.21, Bahagian 1, Bab Pencegahan Kebakaran, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia.
- 2.3 Perkara 7, Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UNIMAS.

3.0 FUNGSI UTAMA

- 3.1 Menjalankan latihan yang berkaitan dengan tindakan kecemasan.
- 3.2 Menjalankan simulasi kecemasan (seperti kawad kecemasan atau 'fire drill')
- 3.3 Menjalankan kerja-kerja pemeriksaan kelengkapan kecemasan secara berkala di bangunan/premis/pejabat.
- 3.4 Membantu memindah (pengungsian) penghuni bangunan (staf, pelajar, pelawat dan pekerja kontraktor) secara teratur ke kawasan selamat di luar bangunan (Kawasan Berkumpul) semasa kecemasan.
- 3.5 Membantu pihak berkuasa semasa dan selepas kecemasan.
- 3.6 Menyalurkan bantuan kepada individu yang mempunyai masalah pergerakan dan mangsa kecederaan ketika kecemasan, sekiranya perlu.

4.0 KEAHLIAN

4.1 Keanggotaan:

- a. *On-Scene Commander*: 1 orang sahaja
- b. Timbalan *On-Scene Commander*: 1 orang sahaja
- c. Ahli-ahli pasukan (Floor Wardens): 2-4 orang setiap Aras
- d. Juruteknik Bilik Kawalan (jika diperlukan): 1 orang sahaja

4.2 Kelayakan:

- a. *On-Scene Commander*
 - Sihat tubuh badan
 - Boleh dipilih di kalangan pihak pengurusan atau pegawai kanan yang jarang bekerja luar kawasan/bangunan.
 - Mempunyai perwatakan tenang dan berupaya membuat keputusan dengan cepat dan betul.

- Mempunyai pengetahuan yang baik tentang operasi PTj dan selok-belok bangunan yang didiami.
 - Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik.
- b. Timbalan *On-Scene Commander*
- Sihat tubuh badan
 - Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik.
 - Mempunyai pengetahuan yang baik tentang selok-belok bangunan yang didiami.
- c. Ahli-ahli pasukan (Floor Wardens)
- Sihat tubuh badan
 - Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik.
 - Mempunyai pengetahuan yang baik tentang selok-belok bangunan yang didiami.
- d. Juruteknik Bilik Kawalan (jika diperlukan)
- Sihat tubuh badan
 - Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik.
 - Mempunyai pengetahuan yang baik tentang selok-belok bangunan yang didiami.

4.3 Lantikan

- a. Tempoh lantikan ditentukan oleh OSC, jika perlu.
- b. Surat lantikan hendaklah dikeluarkan oleh PTj yang menghuni bangunan yang didiami ahli pasukan. Bagi kes di mana terdapat banyak PTj di dalam satu bangunan, surat lantikan dikeluarkan oleh PTj yang menjadi teraju di bangunan tersebut. Salinan surat lantikan hendaklah dimajukan kepada Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UNIMAS.

4.4 Penyingkiran ahli pasukan

- a. OSC boleh menyingkirkan mana-mana anggota pasukannya jika:
 - Gagal hadir di dalam latihan simulasi dan lain-lain latihan berkaitan tanpa sebab yang munasabah.
 - Gagal melaksanakan pemeriksaan berjadual.
 - Tidak dapat atau tiada upaya untuk menunaikan kewajipannya sebagai anggota pasukan.

5.0 PERANAN/TUGAS

5.1 *On-Scene Commander (OSC)*

- a. Memilih, melantik dan melantik semula timbalan OSC dan ahli-ahli pasukan (Floor Wardens).
- b. Menyediakan Pelan Kecemasan Bangunan.
- c. Membuat perancangan dan melaksanakan latihan dan simulasi kecemasan.
- d. Menentukan dan memindahkan (jika perlu) lokasi kawasan berkumpul kecemasan.
- e. Memberi arahan kepada ahli-ahli pasukan untuk menangani situasi kecemasan.
- f. Memberi arahan kepada penghuni bangunan semasa dan selepas kecemasan (menggunakan sistem *Public Address* atau lain-lain).
- g. Menilai situasi kecemasan dan membuat keputusan yang sesuai dengan situasi.
- h. Memastikan ahli-ahli pasukan diberi kelengkapan dan perlindungan ketika menjalankan tugas (seperti penyediaan kelengkapan perlindungan diri dsbg.)
- i. Melaksanakan *debriefing* pada penghujung simulasi kecemasan.
- j. Menyalurkan maklumat kepada orang atasan/penyelia/pengurusan tertinggi/pihak berkuasa.
- k. Bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan terhadap situasi kecemasan.

5.2 Timbalan *On-Scene Commander*

- a. Menggantikan OSC melaksanakan tugas-tugas semasa kecemasan ketika ketiadaan OSC.
- b. Membantu OSC dalam melaksanakan tugas-tugas lain.
- c. Menerima dan menyalurkan maklumat/arahan diantara ahli-ahli pasukan (Floor Warden) dengan OSC semasa kecemasan.
- d. Melakukan pemeriksaan keselamatan bangunan mengikut jadual/arahan OSC/UKKP dan membuat pelaporan berkaitan.
- e. Memastikan kelengkapan kecemasan sentiasa dalam keadaan baik dan bersedia untuk digunakan semasa kecemasan.

5.3 Ahli-ahli pasukan (Floor Wardens)

- a. Memastikan penghuni (staf, pelajar, pelawat & kontraktor) keluar daripada bangunan dengan cara teratur mengikut pelan pengungsian bangunan.

- b. Membantu penghuni dengan masalah pergerakan (mobility impaired) untuk keluar daripada bangunan atau ke tempat selamat di dalam bangunan.
- c. Memastikan pintu-pintu ditutup ketika keluar dari bangunan.
- d. Memastikan keadaan terkawal di tempat berkumpul kecemasan.
- e. Menyalurkan bantuan kepada mangsa kecemasan (sama ada di dalam bangunan atau di tempat berkumpul kecemasan).
- f. Menyalurkan maklumat yang dengan segera dan tepat kepada DOSC semasa kecemasan.
- g. Melakukan pemeriksaan keselamatan bangunan mengikut jadual/arahan OSC/UKKP dan membuat pelaporan berkaitan.
- h. Memastikan kelengkapan kecemasan sentiasa dalam keadaan baik dan bersedia untuk digunakan semasa kecemasan.

5.4 Juruteknik Bilik Kawalan

- a. Membuka kunci bilik kawalan
- b. Memastikan kelengkapan kecemasan di dalam bilik kawalan dalam keadaan baik dan bersedia untuk digunakan ketika kecemasan.
- c. Membantu OSC dan DOSC dari segi teknikal.